

BERITA HARIAN

DATE: 15/6/2010

Melayu kena pastikan hak tidak terhakis

KUALA TERENGGANU: Orang Melayu kini berada dalam krisis, genting serta cemas dalam negara sendiri dan perlu segera memikirkan dengan mendalam serta bertindak, jika tidak mahu mengalami nasib seperti Melayu di Singapura, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, orang Melayu sering dianggap mengamalkan perkauman apabila bercakap mengenai Melayu, tetapi hakikatnya orang Melayu berhak menentukan apa yang menjadi hak mereka supaya tidak terhakis.

Katanya, orang Melayu kini menjadi minoriti di tanah air sendiri, apabila ada pihak seperti PAS dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) memecah belahkan perpaduan Melayu, yang perlu kuat untuk berdepan pelbagai cabaran, termasuk dalam

menentukan hak Melayu. Katanya, walaupun Melayu adalah 60 peratus pengundi di negara ini, ia kini menjadi kaum minoriti apabila terpecah kepada tiga parti iaitu UMNO, PAS dan PKR serta

“Sekarang ini orang Melayu begitu mudah menerima rasuah. Hanya kerana RM100 dan RM200, kita sanggup gadai negara. Sebenarnya, apabila kita jual undi kita, kita jual agama dan bangsa”

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

membentuk peratusan yang sedikit, berlawan sesama sendiri.

“Boleh dikatakan 20 peratus Melayu bagi setiap parti dan berlawan sesama mereka menjadikan orang Melayu puak minoriti dalam negara kita ini. Inilah yang berlaku hasil daripada keinginan (PAS dan PKR) untuk merebut kuasa. Yang diutamakan bukan perjuangan bangsa agama dan tanah air, tetapi untuk mendapat kuasa.

“Mereka sanggup menjual agama dan bangsa sebagai satu alat untuk mendapat sokongan politik. Percayalah, kalau pun mereka mendapat kemenangan dalam pemilihan (pilihan raya) yang akan diadakan, saya percaya kita (Melayu) tidak akan mendapat kuasa, kerana kuasa itu akan berada pada pihak yang lebih kaya, lebih kuat daripada kita.

“Kalau mereka terus beri sokongan pada orang yang menjual mereka dengan harga yang murah, akan buruklah nasib mereka. Sekarang ini orang Melayu begitu mudah menerima rasuah. Hanya kerana RM100 dan RM200, kita sanggup gadai negara. Sebenarnya, apabila kita jual undi kita, kita jual agama dan bangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan selama lebih sejam pada program Melayu Bangkit anjuran Gerakan Kebangkitan Rakyat (Gertak) di Stadium Negeri, di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Mahathir menggesa Mesir supaya tidak terlalu mengikut telunjuk Israel dengan mengenakan pemeriksaan ketat ke atas bantuan kemanusiaan yang disalurkan kepada penduduk Palestin di sempadan Rafah.